

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(08)

Tarikh : 25 Februari 2024

## KENYATAAN MEDIA

### PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG (PBBPP) DAN ROSE CHARITIES PULAU PINANG MERAIKAN PENYEMPURNAAN BULATAN BUKIT BENDERA YANG DITAMBAH BAIK DAN PROGRAM *JOY WALK*

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan ROSE Charities Pulau Pinang bekerjasama untuk meraikan penyempurnaan Bulatan Bukit Bendera yang telah ditambah baik dengan program *Joy Walk* yang penuh bersemangat bersama Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Dua sambutan ini bukan sahaja menandakan siapnya penambahbaikan di atas bukit tetapi juga menekankan kepentingan kesihatan dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat.

Terletak pada ketinggian 737 meter dari aras laut, Bulatan Bukit Bendera membuktikan bahawa usaha masyarakat, menjadikan Bukit Bendera sebagai tempat yang lebih menarik. Bulatan Bukit Bendera mungkin merupakan bulatan tertinggi di negeri Pulau Pinang, dan satu lagi struktur unik di atas bukit.

Bulatan yang kecil tetapi penting ini tidak muncul di puncak bukit tanpa sebarang sebab yang kukuh. Cetusan idea untuk menukar persimpangan segitiga terdahulu kepada bulatan ini bermula pada tahun 2018 oleh PBBPP. Sebelum pembinaan bulatan ini, persimpangan segi tiga menimbulkan pelbagai cabaran termasuk kesesakan lalu lintas dan bahaya keselamatan.

Selepas tiga tahun kajian yang teliti, perancangan dan pelaksanaan lalu lintas, termasuk penggubalan dasar pengurusan lalu lintas dan pelan pengurusan trafik oleh PBBPP, bulatan ini akhirnya siap untuk digunakan oleh orang ramai pada Disember 2020 dengan mengutamakan kecekapan dan keselamatan.

"PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada ROSE Charities Pulau Pinang atas inisiatif dan usaha mereka untuk mencantikkan dan membuat penambahbaikan di Bukit Bendera," ulas Dato' Cheek Lay Leng, Pengurus Besar PBBPP. "Projek ini menyerlahkan dedikasi komuniti Bukit Bendera untuk bekerjasama dalam menambah baik kemudahan dan infrastruktur di atas Bukit Bendera".

Sebagai tambahan kepada fungsinya, Bulatan Bukit Bendera juga berfungsi sebagai kanvas untuk ekspresi artistik dan penglibatan masyarakat. **PBBPP** bekerjasama dengan **ROSE Charities Pulau Pinang, WhyteHouse Education Group dan David Brown's Restaurant & Tea Terrace** telah memulakan inisiatif landskap untuk meningkatkan daya tarikan estetik bulatan itu serta mengubahnya menjadi mercu tanda visual yang mencerminkan keindahan Bukit Bendera.

"Kami berbesar hati untuk menyumbang kepada pengindahan Bulatan Bukit Bendera dan mewujudkan persekitaran yang mesra untuk penduduk dan pengunjung," kata Dato' Seri Lawrence Cheah Seong Paik, Pengerusi ROSE Charities Pulau Pinang. "Melalui usaha kolaboratif ini, kami berhasrat untuk memupuk rasa bangga dan kekitaan dalam masyarakat".

Memandangkan Bukit Bendera terus berkembang sebagai destinasi popular, pihak berkepentingan kekal komited untuk memelihara persekitaran semula jadi dan warisannya sambil memajukan pembangunan lestari. Projek Bulatan Bukit Bendera yang ditambah baik merupakan langkah penting dalam perjalanan ini. Ia membuka jalan bagi Bukit Bendera untuk lebih dinamik, berkembang dan mampan.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)